



Sahabat Alam Malaysia
Friends of the Earth Malaysia
For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia
Tel No: +604 827 6930
Fax No: +604 827 6932
Email: foemalaysia@gmail.com
<https://www.foe-malaysia.org>

Kenyataan Media

2 Februari 2017

**ATASI SEGERA MASALAH PENCEMARAN DARI KILANG MEMPROSES SAWIT
DI JALAN CHANGKAT, NIBONG TEBAL, PULAU PINANG**

SAM menggesa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang menyiasat dan mempertingkatkan usaha bagi mengawal pencemaran bau, asap serta bunyi bising yang berpunca dari kilang memproses sawit yang beroperasi di Jalan Changkat, Nibong Tebal dari terus mengganggu kehidupan seharian penduduk-penduduk yang berdekatan.

Langkah tersebut perlu dilakukan bagi memastikan kilang terbabit membendung pencemaran yang dilihat semakin ketara sejak kebelakangan ini. Dianggarkan penduduk dari tiga buah kampung iaitu Kampung Titi Hitam, Kampung Pengkalan dan Kampung Bagan Buaya berhadapan dengan masalah ini.

Dalam tinjauan yang dibuat SAM bersama penduduk, kami mendapati pencemaran bau yang kurang menyenangkan dapat dihidu apabila proses mengeluarkan asap berlaku. Asap yang dilepaskan pula terbahagi kepada dua jenis iaitu yang berwarna hitam dan putih.

Bau busuk yang terhasil berkemungkinan besar dari asap putih yang dikeluarkan dari dua buah cerobong kilang tersebut. Selain itu bunyi kuat kedengaran secara serentak apabila asap berkenaan dilepaskan. Dalam tinjauan tersebut kami turut melihat asap hitam yang dilepaskan ke udara berwarna hitam pekat dan tebal sehingga adakalanya seperti awan hitam.

Sehubungan dengan ini SAM berharap pihak berkuasa akan menyiasat aduan pencemaran ini. Salah satu persoalan kami adalah posisi cerobong asap putih pada paras rendah dan mendatar manakala kedudukan cerobong yang mengeluarkan asap hitam adalah menghala ke atas? Apakah kandungan asap yang dilepaskan dari kedua-dua cerobong ini?

Sehubungan dengan ini SAM menggesa agar pihak-pihak yang bertanggungjawab memainkan peranan bagi menjamin kesejahteraan penduduk kerana ia melibatkan masalah pencemaran alam sekitar dan menjejaskan kesihatan penduduk.

S. M. Mohamed Idris
Presiden
Sahabat Alam Malaysia